

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : LOKAL

RUANGAN : 8A

Kuala Lumpur: Pelabuhan Klang menerima kunjungan 2,658 penumpang dan kru kapal persiaran Genting Dream dari Singapura yang berlabuh di pelabuhan berkenaan jam 11.50 pagi semalam.

Pengerusi Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) Eng Yong Hian Wah berkata, laluan asal kapal itu adalah dari Singapura-Port Dickson-Singapura sebelum ditukarkan ke Pelabuhan Klang.

"Kapal berkenaan akan berlayar bagi tempoh tiga hari dua malam sebelum dijangka ke Singapura jam 11 malam nanti.

"Semalam 957 penumpang adalah daripada 15 negara

iaitu Brunei, Kanada, Republik Czech, United Kingdom, Indonesia, Jepun, Malaysia, Myanmar, Filipina, Pakistan, Singapura, Thailand, Amerika Syarikat, India dan Vietnam. Jumlah individu warga India adalah paling ramai iaitu 587 penumpang.

"Bagi kru kapal persiaran itu pula adalah seramai 1,701 anak kapal daripada 32 negara termasuk 276 warga China.

"Bagaimanapun, tiada antara mereka (warga China) yang berada di negara berkenaan kebelakangan ini," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Hian Wah berkata, kapal itu tidak pernah berlayar ke



KAPAL persiaran Genting Dream berlabuh di Pelabuhan Klang, semalam.

Genting Dream singgah Pelabuhan Klang

China memandangkan ia hanya membabitkan laluan dari Singapura-Selat Melaka-Pulau Pinang-Phuket (Thailand).

"Semua penumpang dan

kru kapal itu akan melalui pemeriksaan kesihatan oleh pihak berkuasa Singapura sebelum dan selepas pelayaran mereka.

"Malah, mereka juga akan

melalui pemeriksaan kesihatan berkala dilakukan pihak kesihatan kapal berkenaan ketika berlayar," katanya.

Beliau berkata, sehingga

semalam, tiada laporan membabitkan mana-mana individu dalam kapal itu yang mengalami demam atau simptom koronavirus baharu atau Covid-19.

Bekas penghuni rindu AKEPT

Kuala Lumpur: "Sejujurnya saya mula 'rindu' suasana di Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT), Nilai kerana menjalani rutin harian yang sama selama dua minggu di sana," kata Reen, seorang daripada rakyat Malaysia yang dibawa pulang dari Wuhan, China, 4 Februari lalu.

Reen, 27, berkata, sepanjang tempoh kuarantin, dia dan penghuni lain akademi itu digalakkan untuk tidak keluar dari bilik masing-masing kerana dikhuatiri berlaku jangkitan baharu dan hanya menghabiskan masa dengan membaca, melayari laman sosial dan menonton filem dalam talian.

Menurutnya, layanan diberikan kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia

(KKM), Agensi Pengurusan Bencana Negara, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan agensi lain adalah terbaik demi menjaga kebajikan dan kesihatan penghuni di AKEPT.

"Saya kagum dengan kesungguhan semua kakitangan agensi yang terbabit kerana memastikan kebajikan kami terjaga.

"Doktor juga akan datang untuk menjalankan pemeriksaan kesihatan setiap hari. Kami juga dibekalkan vitamin, pencuci basmi kuman dan penutup hidung dan mulut agar kesihatan berada pada tahap yang terbaik," katanya ketika dihubungi, semalam.



Tinggal lima saja

jumlah pesakit Covid-19 di seluruh negara berkurangan



Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Hanya tinggal lima pesakit koronavirus baharu (Covid-19) masih dirawat di hospital seluruh negara susulan dua lagi sembuh dan dibenarkan pulang.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, dua pesakit itu dibenarkan pulang ke rumah lewat petang kelmarin.

Mengulas lanjut, Dr Dzulkefly berkata, pesakit terbaru sembuh ialah kes ke-20 membabitkan lelaki warga China berusia 27 tahun yang dirawat di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) di Kedah selepas disahkan positif, 14 Februari lalu.

"Manakala seorang lagi yang sembuh serta dibenarkan discharge membabitkan kes ke-21 iaitu wanita warga China berumur 32 tahun se-

lepas disahkan positif (Covid-19) pada 14 Februari lalu dan dirawat di Hospital Sultanah Maliha, Langkawi.

"Sehubungan itu, jumlah kes pulih sepenuhnya dan discharge sehingga hari ini (semalam) ialah 17 pesakit. Selain itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga memaklumkan tiada kes baharu dilaporkan sekali gus jumlah kumulatif kes positif Covid-19 dilaporkan di Malaysia kekal 22," katanya.

Dr Dzulkefly berkata, lima kes yang masih dirawat adalah dalam keadaan stabil iaitu tiga di Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan masing-masing seorang di HSB di Kedah dan Hospital Sungai Buloh.

Dalam perkembangan sama, katanya, KKM dimaklumkan Kedutaan Besar Malaysia di Tokyo, Jepun berhubung perkembangan terkini rakyat Malaysia yang berada di atas kapal persiaran Diamond Princess di Jepun.

"Empat rakyat Malaysia membabitkan tiga penumpang dan seorang kru. Kapal persiaran ini menjalani kuarantin (kapal) bermula 4 Februari lalu di pelabuhan di Jepun.

"Selepas uji ujian pengesanan Covid-19 mengesahkan dua daripada tiga penumpang rakyat Malaysia dijangkiti virus itu. Mereka yang didapati positif adalah pasangan suami isteri berusia 71 dan 66 tahun.

"Disahkan positif 16 Februari lalu dan berada dalam keadaan stabil. Mereka kini berada di Hospital Fujita di Nagoya untuk menerima rawatan lanjut," katanya.

Menurutnya, seorang lagi penumpang Malaysia iaitu wanita berusia 61 tahun disahkan negatif Covid-19 dan dibenarkan pulang ke negara ini oleh pihak berkuasa kesihatan Jepun selepas menjalani kuarantin selama 14 hari.

Katanya, seorang lagi warga Malaysia iaitu lelaki berusia 45 tahun yang juga kru kapal persiaran itu masih dalam pemantauan di dalam kapal oleh pihak berkuasa kesihatan Jepun.

Sementara itu, mengenai ujian pengesanan Covid-19 terhadap individu berada dalam kapal persiaran MV Genting Dream yang berlabuh di Boustead Cruise Centre (BCC), Pelabuhan Klang kira-kira jam 12 tengah semalam didapati negatif virus itu.

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 10
 RUANGAN : ANCAMAN COVID-19

Larangan sementara dibincang di Kabinet

Larangan kepada pelancong China untuk memasuki Malaysia ekoran penularan Covid-19

Oleh HASNIZA HUSSAIN

KUALA LUMPUR

Mesyuarat Kabinet yang berlangsung kelmarin membincangkan beberapa perkara termasuk cadangan berkaitan larangan sementara kepada pelancong China untuk memasuki Malaysia ekoran penularan wabak koronavirus (Covid-19) di negara ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad ber-

kata, bagaimanapun keputusan berhubung perkara itu akan diputuskan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sekiranya perlu.

"Kita sentiasa membuat pertimbangan dan penilaian berdasarkan maklumat dan fakta. Beliau (Wan Azizah) akan umumkan sekiranya terdapat keperluan untuk melaksanakan cadangan tersebut," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Dr Dzulkefly berkata, mesyuarat Kabinet kelmarin turut membincangkan semua kemungkinan termasuk melarang r a k y a t C h i n a m e m a s u k i M a l a y s i a

sekarang-kurangnya sebulan.

Sebelum ini, terdapat beberapa negara antaranya termasuk Australia, Filipina dan Singapura dilaporkan membuat sekatan masuk ke atas pelancong China bagi mengelak penyebaran wabak Covid-19 ke dalam negara selain melindungi rakyat mereka.

Australia umpamanya dilaporkan melanjutkan sekatan kemasukan ke atas pelancong China ke negara itu sehingga 29 Februari ini.



DR DZULKEFLY

Tiada kajian berasas sahkan rakyat bakal hilang pekerjaan

KUALA LUMPUR - Tiada laporan atau kajian berasas yang mengesahkan bahawa hampir 100,000 rakyat Malaysia bakal kehilangan pekerjaan sekiranya wabak koronavirus (Covid-19) berterusan sehingga hujung tahun ini.

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH), Alice Lau Kiong Yieng berkata, isu itu tidak timbul memandangkan Malaysia sudah bersiapsiaga dan mempunyai keupayaan dalam mengurus dan membendung penularan jangkitan Covid-19.

"Tiada isu hilang pekerjaan. Majikan perlu ambil inisiatif menyalurkan maklumat tepat ke-

pada pekerja mengenai Covid-19 agar pekerja tidak panik," katanya di sini semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas beberapa laporan sebelum ini yang memetik Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) meramalkan perkara itu jika penularan Covid-19 gagal dikawal.

Senada dengan Alice Lau, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) Kementerian Sumber Manusia, Maniam Arumugam menyifatkan laporan itu sekadar ramalan yang tiada statistik tepat dan meminta agar orang ramai tidak mudah panik.

"Setakat ini tiada siapa yang melaporkan kepada kami," katanya. - Bernama

Dua lagi sembuh, lima masih dirawat

KUALA LUMPUR - Dua lagi pesakit koronavirus (Covid-19) berjaya dipulihkan dan dibenarkan pulang semalam menjadikan jumlah keseluruhan pesakit yang sembuh sepenuhnya daripada jangkitan virus itu kepada 17 orang.


Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, kedua-dua kes itu merupakan kes ke-20 dan ke-21 melibatkan warganegara China yang disahkan positif dijangkiti Covid-19 pada 14 Februari lalu.

Kedua-dua kes berkenaan juga merupakan sebahagian daripada 22 individu yang disahkan positif Covid-19 setakat semalam.

"Kementerian Kesihatan (KKM) juga ingin memaklumkan bahawa tiada kes baharu dilaporkan pada hari ini (semalam).

"Jumlah kumulatif kes Covid-19 yang dilaporkan sehingga hari ini (semalam) kekal sebanyak 22 kes dengan hanya lima kes masih dirawat di wad," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Dr Dzulkefly, kesemua lima kes yang masih dirawat adalah dalam keadaan stabil. - Bernama



Langkah-langkah semasa pengawasan di rumah.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION/NEWS

Malaysian couple on board 'Diamond Princess' test positive

KUALA LUMPUR: An elderly Malaysian couple on board the *Diamond Princess* cruise ship have tested positive for Covid-19.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the 71-year-old man and his 66-year-old wife tested positive for the coronavirus on Feb 16.

"They are receiving treatment at Fujita Hospital in Nagoya, Japan, and are in stable condition," he said after attending Universiti Malaya's Mental Health Initiative here yesterday.

He said another Malaysian passenger, a 61-year-old woman, tested negative for Covid-19 and had been allowed to travel back to Malaysia by the Japanese health authorities upon completion of her 14-day quarantine period.

Another 45-year-old Malaysian male crew member of the vessel is being monitored on board by the Japanese health authorities.

Dr Dzulkefly said the cruise ship had been quarantined at one of the seaports in Japan since Feb 4, following the confirmation of Covid-19 infection among its passengers.

On the *MV Genting Dream* cruise ship, which made a port of call in Port Klang yesterday, Dr Dzulkefly said the vessel docked at the Boustead Cruise Centre about noon. He said the ship ar-

rived from Singapore and was expected to depart to the republic at 11pm yesterday.

"There were 957 passengers on board comprising 15 nationalities from Brunei, Canada, Czech Republic, the United Kingdom, India, Indonesia, Japan, Malaysia, Myanmar, Pakistan, the Philippines, Singapore, Thailand, the United States and Vietnam."

"As of 3pm today (yesterday), 350 passengers and 230 crew members who disembarked from the ship had been screened by Health Ministry officials."

Dr Dzulkefly said those who were screened showed no symptoms of Covid-19 infection.

"Those who did not disembark from the ship were not screened."

Meanwhile, two more patients recovered from Covid-19 infection and were discharged on Feb 19.

Dr Dzulkefly said they involved a 27-year-old male Chinese national and a 32-year-old female Chinese national, both of whom were infected on Feb 14.

He said 17 patients had fully recovered and were discharged from hospital.

"No new Covid-19 cases have been reported to the National Crisis Preparedness and Response Centre today (yesterday).

"The total number of Covid-19 cases in Malaysia remains at 22, with five patients receiving treatment in hospital."

He said the five were in stable condition.

"Three of them are warded in Kuala Lumpur Hospital, one in Sultanah Bahiyah Hospital, Kedah, and one in Sungai Buloh Hospital, Selangor."

On whether the cabinet would extend the ban on Chinese nationals from entering Malaysia to prevent the spread of the coronavirus, Dr Dzulkefly said Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, who is also National Disaster Management Agency chairman, would make an announcement on the matter.

The Covid-19 outbreak, which started in Wuhan, China, last December, has spread to 27 countries. Up to 75,725 cases have been reported with 2,128 deaths, mainly in China. A total of 16,108 people have recovered from the disease.

At Universiti Malaya's Mental Health Initiative yesterday, Dr Dzulkefly witnessed the signing of a memorandum of understanding (MOU) between the university and Johnson & Johnson Malaysia.

Universiti Malaya was repre-

ented by Deputy Vice-Chancellor (research and innovation) Professor Dr Noorsaadah Abdul Rahman and Johnson & Johnson Malaysia by its managing director, Chin Keat Chyuan.

Dr Dzulkefly said the MoU would involve innovative teaching and learning in the health-care sector.

"In this partnership, there is a component on mental health, which is timely and important. There is no health without mental health, and this inclusion will benefit the ministry's #Letstalkmindsihat mental health initiative, which was launched in October last year."

He said the World Health Organisation estimated that mental health problems affected one in four people worldwide.

"In Malaysia, nearly three in 10 Malaysians are affected, according to the 2015 National Morbidity Health Survey."

The #Letstalkmindsihat programme is under the Health Ministry's Disease Control Division.

Among the issues related to mental health that affect youth include depression, anxiety and stress, and suicidal tendencies, which require detection and early intervention.

>> See also Pages 25 & 26



Passengers disembarking from the 'Diamond Princess' cruise ship at Yokohama Port, south of Tokyo, yesterday. REUTERS PIC

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

Malaysia sees Covid-19 situation improving

By JOSEPH KAOS Jr
newsdesk@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia continues to show improvement in the Covid-19 situation as two more patients of the coronavirus have recovered.

The two patients, a 27-year-old man and a 32-year-old woman, both Chinese nationals, were discharged from Hospital Sultanah Bahiyah in Alor Setar and Hospital Sultanah Maliha in Langkawi respectively.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said 17 Covid-19 patients have recovered and had been discharged in Malaysia.

"No new cases were reported to the National Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC) today. The total of confirmed Covid-19 cases in Malaysia remains at 22 cases, with five cases still receiving

treatment in hospitals," said Dzulkefly in a statement.

He said the five patients were in stable condition and three were being treated at Hospital Kuala Lumpur, while another two were at Hospital Sultanah Bahiyah and Sungai Buloh Hospital respectively.

The 27-year-old is a businessman who was found to be symptomatic at the Bukit Kayu Hitam checkpoint at the Malaysia-Thailand border.

The 32-year-old woman is married to a Malaysian and resides in the country. She returned to China between Jan 22 and 30.

Both tested positive for Covid-19 on Feb 14 and were put in isolation.

On the four Malaysians who were aboard the *Diamond Princess* cruise ship which had docked in Japan, Dzulkefly said three were passengers while one was a crew member.

He said two of them who tested



positive for Covid-19 were a husband and wife aged 71 and 66. They are being treated at Fujita Hospital in Nagoya. Both are stable.

Dzulkefly added that another Malaysian passenger, a 61-year-old woman, was found to be negative.

"She will be allowed to travel home to Malaysia by the Japanese health authority upon completion of the 14-day quarantine," he said.

He said that the Malaysian crew member was monitored onboard by Japanese health authorities.

More than 620 people out of 3,700 passengers and crew on the *Diamond Princess* have tested positive. Two passengers who were diagnosed with the virus have died.

Meanwhile, in a separate statement, Dzulkefly said none of the crew and passengers of cruise liner *MV Genting Dream* had been to China in the past 14 days.

The ship, which docked at West Port, Klang, at noon yesterday, carried a total of 957 passengers and 1,701 crew members, of which 276 are from China.

"The crew from China have signed on as early as May 2019, with the latest being Jan 24 this year. None of them, the ship, the crew or the passengers have been to China for the past two weeks, taking into account the 14-day-incubation period," said Dzulkefly.

The *Genting Dream* is a three-day,

two-night cruise which arrived from Singapore at noon and returned at 11pm the same day.

As at 3pm yesterday, 350 passengers and 230 crew members who disembarked were screened, with none showing any signs of illness.

Dream Cruises said yesterday it would suspend operations from Singapore until March 27.

"Dream Cruises made the difficult decision to suspend operations from Singapore as a measure to help curtail the spread of Covid-19 and as a result of the tightening travel restrictions enacted by various countries," said Dream Cruises president Michael Goh.

"Guests booked on any of the cancelled itineraries will be provided with compensation options, including to defer their cruise to a future sailing or, if needed, to cancel their cruise for a full refund," he said.